

NO SOALAN : 45

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI HASBI BIN HAJI
HABIBOLLAH
(LIMBANG)**

**TARIKH : 28.5.2015
(KHAMIS)**

SOALAN:

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan pertimbangan untuk
membina sebuah Kem PLKN di Limbang apabila penambahbaikan
program PLKN selesai dilaksanakan.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada ketika ini, jumlah keseluruhan kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang telah diluluskan oleh Kerajaan adalah sebanyak 86 buah kem. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 82 buah kem sedia beroperasi apabila penambahbaikan program PLKN selesai dilaksanakan. Manakala baki 4 buah kem lagi masih dalam proses pembinaan.

Pada masa kini, 82 buah kem yang sedia beroperasi tersebut boleh menampung pengambilan sejumlah 92,700 orang pelatih bagi setiap sesi dalam setahun. Jumlah ini akan meningkat kepada 98,400 bagi setiap sesi dalam setahun setelah kem-kem ini dinaiktaraf.

Pada masa ini, terdapat sebanyak 8 buah Kem PLKN sedang beroperasi di Sarawak. Kem yang paling hampir dengan Limbang adalah Kem PLKN Miri. Justeru itu, sebarang permohonan bagi membina kem baharu boleh dikemukakan kepada pihak Kementerian

untuk pertimbangan sewajarnya berdasarkan keperluan semasa dan masa hadapan PLKN.

SOALAN (46)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 28 MEI 2015
[KHAMIS]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY [KOTA KINABALU] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan statistik jumlah permohonan rumah kos rendah sehingga kini di seluruh Sabah mengikut daerah dan berapakah bilangan unit rumah kos rendah yang telah siap dibina mengikut pecahan perbandaran atau kawasan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memberi tumpuan kepada perancangan dan pembangunan rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) manakala permohonan rumah kos rendah diselaraskan di peringkat negeri oleh Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah (KKTP).

Dari tahun 2002 sehingga April 2015, Jabatan Perumahan Negara (JPN) di bawah KPKT telah melaksanakan sebanyak 168 projek dengan 102,102 unit rumah di seluruh negara.

Di Sabah, Kerajaan telah dan sedang melaksanakan sebanyak 36 projek merangkumi 24,299 unit. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 18 projek atau 14,556 unit rumah telah disiapkan. Manakala 13 projek sebanyak 7,143 unit masih dalam pelbagai peringkat pembinaan dan baki sebanyak 5 projek atau 2,600 unit sedang dalam peringkat perancangan.

Projek-projek yang telah disiapkan mengikut daerah adalah seperti berikut:-

BIL	DAERAH	BIL PROJEK	BIL UNIT
1	Kota Kinabalu	3	5,059
2	Tawau	4	2,872
3	Sandakan	5	3,500
4	Papar	2	1,225
5	Lahad Datu	1	700
6	Beluran	1	400
7	Kudat	1	500
8	Keningau	1	300
JUMLAH		18	14,556